

16/04/1997

Sabah diberi peluang kemuka soalan pertama

KOTA KINABALU, Selasa - Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee adalah antara kira-kira 500 orang di Sabah yang menghadiri dialog Koridor Raya Multimedia (MSC) bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi persidangan video, hari ini.

Persidangan video yang terbesar pernah diadakan itu diadakan di Dewan Perdana, Wisma Muis, Kota Kinabalu. Ia dipancarkan dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke-28 lokasi seluruh negara, termasuk dua di Sabah, iaitu Kota Kinabalu dan Tawau.

Selepas taklimat oleh Perdana Menteri, Sabah diberi penghormatan mengemukakan soalan pertama dan Saira Abdul Rahman, pelajar tingkatan dua Sekolah Maktab Nasional, Kota Kinabalu, bertanya bagaimana MSC boleh membantu membangunkan pendidikan ke luar bandar.

Turut hadir ialah semua tiga Timbalan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghapur Salleh, Datuk Tham Nyip Shen, Datuk Seri Panglima Joseph Kurup; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Hassan Alban Sandukong; menteri Kabinet negeri; dan pemimpin politik serta kerajaan.

(END)